

PM luang masa nikmati Cendol Songkok Tinggi

BH - 14/11/2023 mlb: 2

Seremban: Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam meluangkan masa menyantuni warga Negeri Sembilan dan menikmati makan tengah hari di kedai Cendol Songkok Tinggi Kampung Jiboi Baru, di sini.

Perdana Menteri tiba kira-kira jam 12.30 tengah hari dan meluangkan masa hampir setengah jam menjamu selera sebelum bergerak ke Masjid Dato' Klana Petra Lela Mohd Yusof, Sikamat, untuk menunaikan solat Jumaat.

Selain cendol yang juga menu utama kedai berkenaan, Anwar turut mencuba beberapa juadah lain, termasuk mi rebus Johor, laksa Johor dan jempit-jempit.

Yang turut hadir, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun serta Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelaburan, Perindustrian, Keusahawanan, Pendidikan dan Modal Insan negeri, Datuk Dr Mohamad Rafie Ab Malek.

Ini adalah lawatan tidak rasmi pertama Anwar ke Negeri Sembilan sejak dilantik sebagai Perdana Menteri selepas Kerajaan Perpaduan dibentuk selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), November lalu.



Anwar bersama Aminuddin (tiga dari kanan) meluangkan masa menikmati keenakan Cendol Songkok Tinggi di Kampung Jiboi Baru, Seremban, semalam. (Foto BERNAMA)

Teruja terima kunjungan PM
Sementara itu, pemilik kedai berkenaan, Ahmad Dani, berkata sejak dimaklumkan mengenai

kehadiran Perdana Menteri dua hari lalu, perasaannya bercampur-baur dan teruja kerana tidak menyangka Anwar akan su-

di singgah ke kedainya untuk menikmati pelbagai juadah yang disediakan. Sebelum ini, katanya, bebe-

rapa selebriti pernah berkunjung ke kedainya, antaranya Uji Rashid dan Datuk Rahim Razali.

“Menteri Besar pun selalu datang di sini, tapi Perdana Menteri, memang ini kali pertama, ia adalah sejarah bagi kedai kami.

“Suatu kebanggaan dan penghormatan buat kami, dapat jamu orang ternama. Tidak pernah saya membayangkan pemimpin utama negara akan singgah dan menikmati ‘air tangan kami,’” katanya.

Ahmad Dani berkata, bagi memastikan kelancaran operasi di gerainya ketika kunjungan Perdana Menteri, beliau turut mengupah 10 pekerja tambahan bagi membantu enam pekerja tetapnya yang sudah membuat persiapan sejak dua hari lalu.

“Imej yang kami bawa ialah semua pekerja di kedai ini perlu bersongkok tinggi serta berbaju Melayu atau kemeja petak-petak bersama tag (tanda) nama pengenalan,” katanya.

Kedai itu sudah beroperasi sejak November 2017 dan boleh memuatkan lebih 200 pengunjung pada satu-satu masa.